

TARIKH	SELASA, 29 OKTOBER 2024
AKHBAR	KOSMO
TAJUK ARTIKEL	MYBESS BANTU STABILKAN GRID TENAGA
M/S	38
BIDANG	ENERGY
KATA KUNCI	MYBESS

38 **Niaga!** Kosmo/SELASA 29 OKTOBER 2024

# MYBESS bantu stabilkan grid tenaga

**PETALING JAYA** – Grid tenaga di Malaysia, yang kini disokong terutamanya oleh loji janakuasa termal menggunakan arang batu dan gas asli sebagai bahan api, dilihat berdepan cabaran dalam mengimbangi kuasa tidak mementu disumbangkan oleh stesen janakuasa solar yang disambungkan ke grid.

Sehubungan itu, Sistem Simpanan Tenaga Bateri (BESS) seperti MYBESS yang dibangunkan oleh Citaglobal Berhad (Citaglobal) boleh memainkan peranan penting dalam menstabilkan grid dengan menyediakan pengawalan frekuensi, imbalan beban, penstabilan voltan, dan meratakan turun-naik kuasa melalui penyimpanan dan pelepasan tenaga lebihan secara cekap.

Pengarah Eksekutif Bahagian Tenaga, Citaglobal, Aimi Aizal Nasharuddin berkata, Malaysia berada pada titik kritikal dalam peralihan tenaga.

"Apabila kita mengintegrasikan lebih banyak tenaga boleh baharu (RE) ke dalam grid, fokus mestilah kepada pembangunan

sistem berdaya tahan, fleksibel dan mampu memenuhi keperluan yang semakin berkembang.

"Penyimpanan tenaga adalah kunci kepada transformasi ini kerana ia membolehkan kita menguruskan RE dengan berkesan dalam membina masa depan yang lestari dan rendah karbon.

"Dengan sistem seperti MYBESS, kami bukan sahaja menyediakan asas untuk keselamatan tenaga, malah menawarkan bekalan RE yang stabil pada kadar tarif yang kompetitif melalui inisiatif seperti Skim Pembekalan Elektrik Tenaga Boleh Baharu Korporat (CRESS), membuka jalan kepada penggunaan tenaga bersih oleh syarikat korporat," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, baru-baru ini.

Malaysia memperkenalkan CRESS yang berkuatkuasa pada September lalu bertujuan untuk menggalakkan penggunaan RE dalam kalangan korporat.

Di bawah inisiatif ini, syarikat boleh membeli RE secara langsung daripada pembekal pada kadar kompetitif, membantu



**AIMI AIZAL**



**MYBESS dibangunkan untuk menyimpan dan melepaskan tenaga lebihan secara cekap, bertujuan untuk membantu menstabilkan grid tenaga.**

perniagaan mendapatkan bekalan tenaga bersih yang stabil sambil menyokong peralihan negara ke arah ekonomi lebih hijau.

Citaglobal secara aktif mengambil bahagian dalam CRESS dan kini dalam perbincangan dengan pengguna korporat

berpotensi untuk memacu penggunaan BESS selanjutnya.

MYBESS direka untuk menyimpan dan melepaskan tenaga lebihan secara cekap, menyediakan sokongan sandaran yang membantu menstabilkan grid dan meningkatkan kapa-

siti negara untuk mengendalikan sumber tenaga yang tidak mementu seperti solar.

Ia melambangkan pendekatan Malaysia dalam menangani cabaran peralihan tenaga dengan penyelesaian disesuaikan mengikut keperluan spesifik negara.

DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
-----------------	--